



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH  
KAMPUS SUNGAI PETANI**

**ASAS KEUSAHAWANAN (ETR300)**

**CACTUS TRADING**

**DISEDIAKAN OLEH:**

<b>WAN NOOR ZAILANI BINTI WAN HASAN</b>	<b>DPA</b>	<b>97301766</b>
<b>INDERAWATI BINTI MASUIE</b>	<b>DPA</b>	<b>97417250</b>
<b>ZURIDA BINTI YAHYA</b>	<b>DPA</b>	<b>97301798</b>
<b>HASNAH BINTI OSMAN</b>	<b>DPA</b>	<b>97301336</b>
<b>ZAMIN HIZA BINTI KASSIM</b>	<b>DPA</b>	<b>97417362</b>

**MAC 2000**

## ISI KANDUNGAN

### MUKA SURAT

SURAT SERAHAN	1-2
SURAT PERJANJIAN PERKONGSIAN	3-9
PENGHARGAAN	10
1.0 PENGENALAN	11
2.0 TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN	12
3.0 LATAR BELAKANG PROJEK PERNIAGAAN	13
3.1 PENERANGAN MENGENAI LOGO	14
4.0 LATAR BELAKANG RAKAN KONGSI	15-24
5.0 RANCANGAN PENTADBIRAN	
5.1 PENGENALAN ORGANISASI	26
5.1.1 LOKASI TAPAK PROJEK	26
5.1.2 BENTUK BANGUNAN	28
5.1.3 KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR	29
5.2 MATLAMAT ORGANISASI	30
5.3 STRUKTUR ORGANISASI	31
5.3.1 CARTA ORGANISASI	32
5.4 TENAGA PEKERJA	33
5.5 HURAIAN SPESIFIKASI TUGAS	34-39
5.6 IMBUHAN BALAS JASA DAN INSENTIF PEKERJA	40-43
5.7 PERANCANGAN KEPERLUAN DAN SUSUNATUR PEJABAT	44
5.8 PERBELANJAAN PENTADBIRAN	45

## Surat Serahan

Diploma Pentadbiran Awam  
Semester 05, Sesi Disember- Mei 2000  
Fakulti Pentadbiran Dan Undang- Undang  
Universiti Teknologi Mara,  
08400 Sungai Petani,  
Kedah Darul Aman

Pensyarah Asas Keusahawanan ( ETR 300 )  
Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia ( MEDEC )  
Universiti Teknologi Mara,  
08400 Sungai Petani,  
Kedah Darul Aman.

Tuan,

### Penyerahan Laporan Rancangan Perniagaan

Merujuk kepada perkara yang disebutkan di atas, sukacitanya kami menyerahkan laporan rancangan perniagaan berkenaan dengan ‘ Projek Pengeluaran Kaktus’ yang akan beroperasi di No.2 Tingkat Bawah, Jalan Permai 1, Taman Desa Permai , 08100 Sungai Lalang, Kedah Darul Aman.

2. Sebagaimana yang kami sedia maklum, penyerahan laporan rancangan perniagaan ini bukan sahaja dijadikan sebagai syarat untuk lulus di dalam matapelajaran ETR 300 semata- mata malahan juga ia juga berfungsi sebagai panduan dan rujukan kepada kami sekiranya ingin menjalankan sebarang perniagaan sebaik sahaja tamat tempoh pengajian kelak.

3. Sehubungan dengan itu, kami berharap agar pihak tuan berpuas hati dengan penyerahan ini dan dengan ini kami menyatakan kesanggupan kami untuk memberikan sebarang maklumat tambahan yang diperlukan sekiranya diminta oleh pihak tuan. Sekian, terima kasih.

## (1.0) Pengenalan

Kaktus merupakan nama saintifik bagi sejenis tumbuhan yang berduri. Ia diberi nama sedemikian kerana kaktus bermaksud berduri. Penampilannya yang luar biasa dan beraneka ragam dengan pelindung semulajadi yang terdiri atas duri- duri dan bunga-bunganya yang indah telah menjadikan kaktus sebagai tanaman rumah kesayangan dan tanaman ruang kaca. Tambahan pula tanaman ini memiliki ciri-ciri di mana sekiranya cuaca yang terlalu panas, ia masih dapat ditanam di luar rumah. Di samping itu juga ia tidak memerlukan penjagaan yang rapi kerana tumbuhan ini adalah dari jenis yang khusus teradaptasi pada alam yang kering dan tandus.

Kaktus merupakan tumbuhan yang luar biasa, ini kerana tumbuhan- tumbuhan ini sering sering memiliki bentuk- bentuk yang janggal. Tumbuhan ini biasanya mempunyai batang yang sangat tebal dan umumnya tidak berdaun.

Famili kaktus sangat besar yang terdiri lebih kurang daripada 2000 jenis. Antara jenis kaktus yang terdapat di Cactus Trading ialah rhipsalis, kaktus pir erduri, kaktus bintang emas, kaktus topi uskup, kaktus jari puteri dan banyak lagi.

Memandangkan tanaman ini semakin mendapat tempat di pasaran, maka Cactus Trading akan ditubuhkan bertujuan untuk mengeluarkan tanaman ini secara komersial. Cactus Trading ini akan beroperasi di N0.2 Tingkat Bawah, Jalan Permai 1, Taman Desa Permai, 08100 Sungai Lalang.

## (2.0) Tujuan Rancangan Perniagaan

Rancangan perniagaan ini disediakan untuk tujuan seperti berikut :

- 1) Memberi peluang kepada usahawan untuk melihat dan menilai perniagaan secara objektif, kritikal dan praktikal.
- 2) Mengkaji dan menilai samada perniagaan yang dijalankan berdaya maju dan mendapat tempat di pasaran serta mempunyai prospek yang cerah atau sebaliknya.
- 3) Meyakini pihak tertentu bagi mendapatkan sumber pembiayaan kewangan
- 4) Dijadikan sebagai garis panduan untuk menguruskan perniagaan terutamanya dari segi perancangan operasi perniagaan ini.
- 5) Memastikan segala operasi dan aktiviti berkaitan dengan projek yang dijalankan ini dapat dilaksanakan dengan berkesan dan mengikuti perancangan yang telah ditetapkan.